

CNS4926

R GB 01-01 00179 BA599

bah

MAHATHIR KATA PEGUAM NEGARA KETUAI MAJLIS PEGUAM BUKAN PERKARA BARU

Mahathir - Peguam

KAJANG, 1 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata soal Peguam Negara mengetuai Majlis Peguam di Malaysia bukanlah perkara luar biasa.

+Terdapat negara yang majlis peguamnya diketuai oleh menteri kabinet dan banyak negara pula yang peguam negara menjadi pengerusi majlis itu, dan di negara ini, dahulu pun memang peguam negara mengetuai majlis peguam,+ katanya kepada pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga kawasan perumahan Country Heights di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Kehakiman Syed Hamid Albar semalam, bahawa kerajaan mungkin meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 untuk membolehkan Peguam Negara dilantik sebagai pengerusi Majlis Peguam.

Menurut Syed Hamid, orang ramai dan penggubal undang-undang telah meminta untuk diadakan lebih banyak peruntukan di bawah akta itu bagi menjadikan Majlis Peguam lebih profesional.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Majlis Peguam sekarang sudah menjadi seperti parti politik dan tidak begitu mengambil berat tentang urusan dan kelakuan para peguam. -- Lagi

▼01/01/15-33MST

CNS4927

R GB 01-01 00094 BA600

bah

Mahathir - Peguam 2 (akhir) Kajang

+Orang ramai tidak berpuas hati kerana bila berlaku penipuan oleh peguam, Majlis Peguam tidak bertindak cepat kerana mereka lebih berminat kepada politik,+ katanya.

Perdana Menteri berkata ekoran itu kewibawaan Majlis Peguam sudah berkurangan sedangkan kepentingan orang ramai perlu terus dipelihara.

Dewan Negara meluluskan Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan), semalam.

Syed Hamid berkata perlantikan Peguam Negara sebagai pengerusi Majlis Peguam pernah dibuat di bawah Ordinan Peguambela dan Peguamcara 1947 sebelum Akta Profesion Undang-undang 1976 dikuatkuasakan. -- Bernama

▼01/01/15-33MST